

## **Tubuh jawatankuasa khas Parlimen**

**SINAR HARIAN**

**17 JULAI 2017**

**MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**

SHAH ALAM - PKR mengulangi desakan keperluan untuk mewujudkan Jawatankuasa Khas Parlimen berkait Pengangkutan Awam.

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar berkata, dalam jawatankuasa itu perlu melibatkan pembuat dasar dari pihak kerajaan dan pembangkang serta ahli akademik dan pakar industri berkait pengangkutan awam.

"Pelbagai persoalan yang timbul dalam isu pembinaan projek MRT, menjadi sebab kenapa saya mahukan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen Mengenai Pengangkutan Awam sebagai usaha memperkemas tatacara tadbir urus sistem pengangkutan negara," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jelas Izzah lagi, "ia membolehkan kami di kerusi pembangkang terlibat secara langsung kepada operator dan pelaksana projek terlibat, dalam kes ini MRTCorp dan Prasarana Malaysia atas nama Parlimen,".

Katanya lagi, tatacara sebegini sudah lama dilaksanakan secara demokrasi di negara maju lain.

"Atas nama ketelusan juga, saya menggesa MRTCorp dan Prasarana menerbitkan laporan bulanan. Saya pasti laporan sedemikian wujud tetapi untuk kegunaan dalaman sahaja. Jadi tidak sukar untuk menerbitkannya kepada umum," katanya.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan tidak wajar mengumumkan projek mega yang menggunakan dana awam seperti manifesto politik.

"Alangkah indahnya jika keprihatinan Perdana Menteri juga dizahirkan ketika rakyat terkandas di laluan LRT, dan tambang yang terpaksa dinaikkan oleh pemaju dek kos senggara.

Luhur, tidaklah menjadi niat utama dalam mengkritik setiap dasar kerajaan tanpa hala tuju," katanya.

Ujarnya lagi, projek MRT ini adalah projek infrastruktur paling mahal yang pernah kita bina dalam sejarah negara. Malah jajaran pertama ini sahaja sudah menelan RM21 bilion.

"Bukankah lebih baik kita teliti bersama setiap sen yang disalurkan agar benar-benar memberi manfaat kepada rakyat," katanya.

[ARTIKEL BERKAITAN: MRT Laluan SBK dilancar secara rasmi]

Terdahulu, hari ini Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan secara rasmi Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK).

MRT Fasa kedua laluan SBK antara Kajang dan Muzium Negara ini melibatkan 19 stesen dan akan beroperasi jam 4 petang ini.

Manakala, fasa pertama laluan berkenaan antara Sungai Buloh dan Semantan yang mempunyai 12 stesen telah beroperasi pada 16 Disember tahun lalu.

Najib dalam ucapannya berkata, secara keseluruhannya projek MRT Laluan SBK berjaya disiapkan dengan kos sebanyak RM21 bilion.

**© 2017 Hak Cipta Terpelihara. Kumpulan Media Karang kraf**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/tubuh-jawatankuasa-khas-parlimen-1.703900>